

Sinar Harian 4/9/2018
m/s 34

Nelayan jatuh laut dikhuatiri lemas

KUALA BESUT - Seorang nelayan dikhuatiri lemas selepas terjatuh dari bot dinaikinya di kawasan perairan Pulau Perhentian, di sini, awal pagi semalam.

Mangsa, Muhammad Azmi Adam, 19, dari Tumpat, Kelantan dilaporkan hilang sejurus terjatuh dari bot nelayan yang sedang bergerak kira-kira jam 3.40 pagi.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Mohd Zamri Mohd Rowi berkata, tekong bot, Hasyamudin Hasbullah, 32, yang berada atas bot sama melihat kejadian yang menimpa awak-awaknya itu.

Menurutnya, tekong tersebut

melihat mangsa terjatuh dari bot ke dalam air ketika menjalankan kerja-kerja menangkap ikan di kawasan Tanjung Basi berhampiran Pulau Perhentian.

"Tekong yang beralamat di Pantai Geting, Tumpat, Kelantan itu memaklumkan kejadian berlaku ketika bot sedang bergerak di kawasan perairan tersebut," katanya.

Mohd Zamri berkata, tekong bersama awak-awak lain berusaha mencari mangsa di kawasan tempat dia dilihat jatuh namun tidak berhasil sebelum membuat laporan polis di Pondok Polis Pulau Per-

hentian.

Menurutnya, susulan kejadian itu gerakan mencari dan menyelamat mangsa telah digerakkan melibatkan 27 anggota terdiri daripada polis, Polis Marin, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Laut Malaysia dan Maritim Malaysia.

"Operasi mencari yang bermula petang semalam tertumpu di kawasan utara Pulau Perhentian Besar dengan menggunakan lapan buah bot daripada pelbagai agensi dan setakat jam 4 petang ini mangsa belum dijumpai," katanya.



Gerakan mencari mangsa dijalankan di perairan Pulau Perhentian dekat Tanjung Basi.